

**Rosmah Terima Kunjungan Isteri Bekas Perdana Menteri Jepun
Bernama
Julai 31, 2011**

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor menerima kunjungan isteri bekas Perdana Menteri Jepun Miyuki Hatoyama.

Pertemuan lebih sejam itu berlangsung di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana di sini pada Ahad.

Perkara yang dibincangkan termasuk mengenai penekanan terhadap pembelajaran awal kanak-kanak serta kepentingan pembelajaran moral dalam melahirkan masyarakat yang berguna.

Hatoyama yang dalam lawatan tiga hari ke negara ini, sebelum ini mengadakan lawatan ke sekolah pengajaran moral, Chung Hua Cultural Education Centre (M) di Seri Kembangan, Selangor bagi mempelajari teknik yang digunakan untuk turut diaplikasi di negara matahari terbit itu.

Beliau akan berlepas ke Hong Kong pada Isnin.

Miyuki Hatoyama merupakan isteri kepada bekas Perdana Menteri Jepun Yukio Hatoyama yang memegang jawatan itu mulai 16 Sept 2009 sehingga 8 Jun tahun lalu sebelum diambil alih oleh Naoto Kan.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605219>